

Rampas semula tanah diteroka secara haram

- Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA
- 9 Mei 2024, 8:33 am



ZUHAIRI AB. KADIR

KUANTAN: Terdapat pihak didakwa hidup mewah daripada hasil pertanian berskala besar di atas tanah milik kerajaan yang diteroka secara haram di negeri ini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengurus Pertubuhan Perusahaan Pertanian Negeri Pahang (PPNP), Datuk Seri Zuhairi Ab. Kadir berkata, sehubungan itu, semua tanah milik kerajaan yang diteroka secara haram sama ada untuk pertanian, perumahan mahupun perindustrian sewajarnya dirampas kembali.

Katanya, langkah itu perlu bagi memacu kegemilangan negeri khususnya dari sudut pembangunan ekonomi.

“Kita juga mengenal pasti terdapat kes-kes pencerobohan tanah terutama melibatkan penanaman kelapa sawit. Ini juga perlu diberi perhatian dan diselesaikan segera.

“Penceroboh dipercayai menggaji pekerja asing secara tidak sah di kawasan ceroboh tanpa membayar sebarang hasil kepada kerajaan negeri. Ini sekali gus menutup peluang pekerjaan penduduk tempatan.

“Tauke-tauke ladang haram ini hidup mewah dan tinggal di bandar-bandar besar, berbelanja di sana. Ini sesuatu yang salah dan perlu diperangi sebagai satu jihad,” dakwanya di sini semalam.

Kelmarin, ketika bertitah pada Mesyuarat Pertama Penggal ketiga Dewan Undangan Negeri (DUN) Pahang kali ke-15, Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah menzahirkan harapan kepada Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang (UPNP) supaya tidak gusar, takut dan terus proaktif memperkasa tindakan penguatkuasaan di negeri ini.

Al-Sultan Abdullah dilaporkan bertitah, penguatkuasaan itu membabitkan aktiviti rondaan pencegahan, siasatan dan pengumpulan maklumat berkenaan pencerobohan terhadap tanah kerajaan.

Zuhairi berkata, isu penerokaan tanah secara haram yang berleluasa ketika ini dan berlaku puluhan tahun lalu mengalirkan banyak wang keluar yang sepatutnya menjadi hasil negeri.

“Jika unit penguatkuasaan negeri pun tak dapat selesaikan masalah ini sendiri, saya berpandangan lebih baik kongsikan kuasa dengan agensi lain untuk banteras,” katanya. – UTUSAN